



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SURAT PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 11 Februari 2021

Bil. 1/2021

No. Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2

PENGGUNAAN FRASA

- 1. "SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH" DAN**
 - 2. "PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**
- DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bagi melaksanakan arahan Kerajaan berhubung pemakaian frasa **"Saya Yang Menjalankan Amanah"** dan **"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"** dalam urusan penyediaan surat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat bernombor rujukan JPA.BPP(S)193/6/84 Jld 4 (3) bertarikh 20 September 2018, dan no rujukan sama bertarikh 26 Januari 2021 telah mengarahkan semua agensi Kerajaan menggunakan frasa **"Saya Yang Menjalankan Amanah"** dan **"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"** dalam urusan penyediaan surat-menyurat.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, Pengurusan Universiti telah bersetuju melaksanakan pemakaian kedua-dua frasa ini dalam surat-menyurat di Universiti Malaysia Sabah.
- 2.3 Frasa **"Saya Yang Menjalankan Amanah"** digunakan untuk **menggantikan frasa "Yang Ikhlas"** yang digunakan sebelum ini.
- 2.4 Frasa **"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"** digunakan selagi mana Proklamasi Darurat masih berkuat kuasa atau dibatalkan oleh Kerajaan.
- 2.5 Sekiranya terdapat surat menyurat dengan pihak luar yang menggunakan bahasa lain, maka frasa ini hendaklah digunakan dalam bahasa asal iaitu Bahasa Melayu dan tidak boleh diterjemah ke sebarang bahasa lain.
- 2.6 Contoh penggunaan frasa ini di dalam surat-menyurat Universiti adalah seperti dalam **LAMPIRAN 1**.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

3.1 Surat Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa serta merta dari tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima Kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

Saya yang menjalankan amanah,



LUQMAN RIDHA ANWAR
Pendaftar

- s.k. ☞ Naib Canselor
 ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 ☞ Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 ☞ Bendahari
 ☞ Ketua Pustakawan
 ☞ Penasihat Undang-Undang
 ☞ Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan

Lampiran 1

Contoh :

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

Saya yang menjalankan amanah,

SHARIFAH BINTI ISMAIL

Timbalan Pendaftar

b.p Pendaftar